

UMS lahirkan Palapes berdaya saing, berdisiplin tinggi

UM 1-10-2014 26

KOTA KINABALU 30 Sept. - Bukan mudah untuk melahirkan anggota Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) yang berdaya saing serta profesional kerana usaha tersebut menuntut kepada tahap disiplin selain daya juang tinggi.

Perkara itu diingatkan oleh Timbalan Komandan Palapes Universiti Malaysia Sabah (UMS), Letnan Kolonel Datuk Abdullah Mohd. Said yang melihat keupayaan memiliki daya saing tinggi merupakan aspek penting bagi melahirkan

seorang Palapes berketerampilan tinggi dalam melaksanakan tugas yang diberikan dengan sempurna.

Sehubungan itu jelasnya, warga Palapes khususnya jurulatih dan sukarela perlu meningkatkan tahap keupayaan kejurulatih masing-masing.

Menurutnya, usaha meningkatkan daya saing boleh dicambah melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh pihak pentadbiran, selain menambah aktiviti yang boleh menambah daya saing anggota," katanya.

"Anggota Palapes yang berdaya saing dan profesional mampu menghasilkan sebuah persatuan yang dipandang tinggi oleh masyarakat, sekali gus meningkatkan usaha mencaruh bakti kepada orang ramai.

"UMS sentiasa memberi sokongan, malah memberi perhatian terhadap perkembangan Palapes universiti ini berhubung segala usaha atau aktiviti yang boleh menambah daya saing anggota," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan majlis Pemaka-

ian Pangkat dan Pembukaan Latihan Tempatan Sesi 2014/2015 Palapes UMS di sini baru-baru ini.

Seramai 130 anggota Palapes UMS baru mendaftar untuk sesi tersebut.

Menyentuh mengenai Palapes UMS, Abdullah yang juga Penyandar UMS berkata, pihaknya berharap semua pegawai kadet Palapes memberikan komitmen tinggi dalam menjayakan latihan yang telah dirancang.

Ujarnya, pegawai kadet di pelbagai peringkat, termasuk pega-

wai baharu perlu memperbaiki kesungguhan dalam kurikulum Palapes universiti itu.

"Ini penting bagi membantu setiap anggota memperoleh penilaian selepas menamatkan latihan yang disediakan oleh Markas Palapes.

"Kita juga mahu kakitangan Palipes yang berjaya dinaikkan pangkat untuk terus berusaha menambah ilmu ketenteraan dengan menghadiri kursus yang ditawarkan," katanya.



ABDULLAH Mohd. Said (duduk tengah) bergambar bersama anggota kadet selepas menyempurnakan Majlis Pemakaian Pangkat dan Pembukaan Latihan Tempatan Sesi 2014/2015 Palapes UMS di Kota Kinabalu, baru-baru ini.